

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, DI MAJLIS BANQUET
MERAYAKAN JUBILI PERAK PERSATUAN
BAGI ORANG-ORANG BUTA, DI NIRWANA
BALLROOM, KUALA LUMPUR HILTON,
PADA 3hb. MAC, 1978, JAM 8.00 MALAM.

1. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong,
2. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong,
3. Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri,
4. Tuan-tuan Yang Terutama,
5. Yang Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola,
6. Para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku.

Patek bagi pihak ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan dan seluruh anggota Persatuan Bagi Orang-Orang Buta, melafazkan ucapan menjunjung kasih, •

kebawah Duli Tuanku dan Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, di atas kesudian Paduka berdua mencemar Duli, berangkat hadir di Majlis Banquet Jubili Perak, Persatuan bagi Oranq-Orang Buta, malam ini.

2. Patek juga menjunjung kasih, serta melafazkan setinggi-tinggi penghargaan, di atas kesudian Baginda Tuanku berkenan menjadi Penaung Majlis Banquet ini.

3. Keberangkatan kebawah Duli Tuanku dan Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong,

telah menyerikan lagi Majlis ini, dan sesungguhnya, merupakan satu galakan yang amat besar, terhadap sambutan dan sokongan kepada usaha Persatuan ini, melaksanakan kerja dan kegiatan pemulihan dan kebajikan bagi orang-orang buta di negara kita.

4. Patek sekelian sedar di atas minat kuat Tuanku, serta Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, terhadap kemajuan dan kebajikan rakyat jelata, terutama mereka yang miskin dan kurang bernasib baik. Minat dan kecenderungan Tuanku itu, telah meningkatkan lagi semangat

..4/-

patek sekalian, untuk berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh, memberi bantuan yang berterusan kepada rakyat gulungan ini.

Ampun Tuanku.

5. Patek mohon izin menyampaikan sepatah dua kata kepada para hadirin sekalian.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

6. Sebagai Yang Di Pertua, Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia, saya merasa amat sukacita dan terharu, di atas sokongan yang besar yang telah diberikan oleh semua sahabat dan penyokong-penyokong orang-orang buta, di dalam Majlis

Banquet Jubili Perak Persatuan ini.

Saya berterima kasih kepada Jawatan-kuasa Jamuan, yang diketuai oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah, yang telah mengelolakan majlis ini. Banquet ini membolehkan Persatuan ini, bukan sahaja untuk mendapatkan bantuan wang bagi membina bangunannya sendiri, serta projek-projek pembangunannya yang lain, tetapi yang lebih penting lagi ialah, majlis ini telah dapat menyatukan penyokong-penyokong serta sahabat-sahabat orang-orang buta, bersama-sama merayakan Jubili Perak Persatuan ini secara besar-besaran.

7. Majlis ini telah juga dapat mengumpulkan bersama, pelupor-pelupor Persatuan yang telah bertungkus-lumus meletakkan landasan, serta mengembangkan Persatuan ini, sejak ianya ditubuhkan 25 tahun yang lalu. Mengingati perkembangan dan perkhidmatan Persatuan kepada orang-orang buta selama ini, kita tidak akan melupakan jasa, dan sewajarnya menjunjung tinggi penghargaan kita, kepada kumpulan orang-orang yang berdedikasi dan berpandangan jauh, yang telah dengan bersusah payah menubuh, membangun dan mengembangkan Persatuan ini. Perkhidmatan Persatuan kepada anggota masyarakat yang kurang

bernasib baik, yaitu mereka yang cacat penglihatannya telah banyak mendatangkan kesan.

8. Sesungguhnya, usaha-usaha mereka itu tidaklah sia-sia. Banyak kejayaan yang telah dicapai, dalam usaha menyediakan kemudahan dan latihan bagi orang-orang buta. Persatuan ini sekarang, merupakan satu daripada pertubuhan kebajikan bagi orang cacat yang terbesar di-negara ini. Ia adalah tunas harapan bagi masa depan orang-orang buta. ~~dan mereka yang~~

~~tidak dapat melihat di tanah air kita.~~ Harapan

yang cerah ini, telah juga meningkatkan hasrat dan keazaman orang-orang buta sendiri.

9. Oleh kerana semangat yang tinggi dan dorongan yang kuat, maka sepuluh orang buta telah dapat mendaki

gunung Kinabalu yang setinggi 13 ribu kaki itu; 10 orang buta telah dan sedang melanjutkan pengajian mereka di universiti-universiti di dalam dan di luar negeri, dan seorang daripadanya, iaitu Dr. Ismail Salleh, telah berjaya mencapai

Ijazah Doktor Philosophy

di University Illinois,



10. Dalam bidang sukan pula, orang-orang buta, samada lelaki mahupun perempuan, mengambil bahagian, bukan sahaja kejohanan di peringkat kebangsaan, bahkan di peringkat antarabangsa. Malaysia telah dapat menghantar satu pasukan orang-orang buta ke Pesta Sukan Orang Buta ASEAN yang pertama di Jakarta pada tahun 1976, dan berjaya memperolehi kejuaraan. Tetapi apa yang lebih menggembirakan

ialah pada hari ini, kita dapat menyaksikan orang-orang buta, baik lelaki mahupun perempuan,

yang boleh berdiri atas kaki sendiri, dengan membuat berbagai pekerjaan yang berguna, dan hidup sebagai manusia yang merdeka dan berkeyakinan. Kita juga menyaksikan orang-orang buta yang telah berumah-tangga dan hidup dalam aman dan bahagia dengan anak-anak mereka sendiri, sebagai anggota masyarakat yang berguna.

Paras 10A, 10B & 10C are in English.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Kejayaan² yang saya sebut sebentar tadi,

11.

adalah hasil khidmat

bakti, kumpulan orang-orang yang telah mencurahkan tenaga dan buah fikiran dengan secara ikhlas dan

Ladies and Gentlemen.

10A. This is not the first occasion

that I have stood up before a distinguished gathering such as this to appeal for help and assistance.

I thank Almighty God for endowing

me with sight, with hearing, with the ability to speak and think, to walk and run, to enjoy ~~all~~ the beauties of nature. So should those who are in this hall this evening and who are as fortunate as I am.

~~to B.~~ 103. But there are others who are
less fortunate. They need and deserve
our help and assistance. Kindness
of heart and consideration for others,
are some of the virtues which God
has taught us to acquire. we
should not only do to others as we
should wish them to do to us,
but think of others kindly as
as we should wish them to
think of us. no kind word, no
good deed, is ever lost. we do
not know the anxious cares, the

weight of sorrow, the secret sufferings
of others.

~~to~~ 100. The Malayan Association for
the Blind has for the last 25 years
been taking a keen interest in and
caring for the blind in this country.
Although it has achieved much, nevertheless
its ^{work} good must necessarily continue. Thus
it depends on members of the public and
commercial firms for financial support.
The Government will continue to contribute,
and any additional sum from the public,
will enable the Association to provide

~~100~~
(10D)

more services and facilities for the blind.

I am aware that you or your firms

have always supported worthy causes,

and that you have donated to many

such causes. I am indeed grateful to

you all. However, the Malaysian

Association for the Blind needs your

help for its various projects and I am

hopeful that you will not disappoint

the Association.

kejujuran, terhadap masa depan yang lebih cemerlang bagi orang-orang buta. Sebagai mengingati jasa-jasa mereka ini, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, telah berkenan menyampaikan Pingat kepada sebahagian daripada mereka.

12. Sesungguhnya, Persatuan bagi Orang-orang Buta merasa bangga di atas segala pencapaian dan kemajuan, yang telah diperolehi selama 25 tahun yang lalu. Adalah diharapkan bahawa, 25 tahun yang akan datang, akan membawa kejayaan dan kemajuan yang lebih cemerlang lagi, sesuai dengan keperluan-keperluan yang berubah, demi

kepentingan dan menafaat mereka yang cacat
p e n g l i h a t a n n y a .

13. Pembinaan satu Komplek, yang mengandungi
ibu pejabatnya sebagai nadi persatuan, merupakan
satu lagi kejayaan di dalam kemajuannya. Oleh
yang demikian, sokongan tuan-tuan dan puan-puan
di dalam majlis jamuan ini, sangatlah dihargai,
dan segala pungutan yang diperolehi, akan menjadi
satu penggalak bagi pelancaran Tabong Bangunan
dan Kemajuan Persatuan yang sangat diperlukan
itu. Saya sangatlah berharap bahawa syarikat-
syarikat dan lain-lain badan swasta, serta juga

orang-orang perseorangan, akan terus memberi sumbangan kepada Tabong ini. Saya sukalah memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus memberi bantuan dan peruntukannya, terhadap usaha-usaha dan matlamat Persatuan ini.

14. Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan bagi orang-orang buta oleh Persatuan ini, adalah besar dan menyeluruh. Ia termasuklah perkhidmatan-perkhidmatan pemulihan, pendidikan, latihan vokesyenel, penempatan dan pencegahan menjadi buta. Persatuan telah juga memulakan satu program untuk memulihkan penglihatan,

di mana pendermaan mata adalah digalakkan dan penderma-penderma mata didaftarkan.

15. Perkhidmatan kepada orang buta dijalankan, bukan sahaja di Ibu Negara atau Wilayah Persekutuan ini, bahkan juga di lain-lain negeri di Malaysia. Bagi menyelenggara dan menjayakan usaha dan perkhidmatan ini, serta memajukan projek-projek baru, Persatuan memerlukan bantuan yang berterusan.

Oleh yang demikian, sokongan dan sumbangan daripada sektor awam dan juga sektor swasta, serta pekerja-pekerja sukarela, adalah sentiasa dikehendaki oleh Persatuan ini, bagi meneruskan amalan-amalan baik ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

16. Akhirnya, sebagai Presiden, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, yang telah bersama-sama menjayakan Majlis Banquet ini.

Terima kasih.



No Siri 344
No. Penerimaan 142/80